

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG (ISKANDAR PUTERI)

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perkembangan terkini program Kapal Perondaan Generasi Baru "*batch*" kedua dan program susulan Kapal Misi Pesisir di bawah RMK-12.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkembangan terkini program perolehan Kapal Littoral Combat Ship (LCS) sehingga 1 November 2020 adalah 57.01% berbanding dengan perancangan asal 90.11%, iaitu kelewatan sebanyak 33.10%.

Status kemajuan pembinaan mengikut kapal adalah seperti berikut:

1. **LCS 1** - status siap semasa 60.60%;
2. **LCS 2** - status siap semasa 48.09%;
3. **LCS 3** - status siap semasa 43.75%;
4. **LCS 4** - status siap semasa 36.49%;
5. **LCS 5** - status siap semasa 22.09%; dan
6. **LCS 6** - status siap semasa 0%.

Bagi program Kapal Misi Pesisir atau dikenali sebagai *Littoral Mission Ship* (LMS), perolehan 8 buah LMS *batch* yang kedua telah didaftarkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025). Walau bagaimanapun, perolehan aset-aset kapal tambahan ini tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan kerajaan.

Terima kasih.